

Kerajaan tak berniat perkecil bahasa China: Dr. M

B. H. 22 NOV 1974

KUALA LUMPUR, Khamis. — Kementerian Pelajaran tidak berniat memperkecil-kecilkan bahasa dan pengajaran China di sekolah-sekolah rendah, sebaliknya pihak Kementerian sentiasa mengambil langkah positif bagi menjamin ketinggian mutu pengajaran tersebut.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad berkata demikian ketika menafikan dakwaan Encik Farn Seong Than (DAP — Sungai Besi) yang menyatakan mutu pengajaran bahasa China di

negara ini rendah. Beliau memberitahu Dewan Rakyat petang ini, kementeriannya telah mengambil langkah perlu, termasuk menjadikan bahasa China matapelajaran peperiksaan penilaian darjah III dan V.

Menurut beliau, jika terdapat murid-murid darjah III yang lemah dalam peperiksaan, mereka akan diberi pelajaran imbuan dan akan diuji sekali lagi dalam peperiksaan darjah V.

Disamping itu, beliau menjelaskan, kurikulum pengajaran bahasa China di maktab-maktab perguruan telah disemak dan disusun-semula.

Menjamin

"Untuk menjamin ke-

173
sejahteraan pengajaran dalam semua aliran bahasa, nazir-nazir persekutuan sentiasa mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah dan sekolah China tidak terkecuali," katanya.

Menjawab pertanyaan Encik Lim Kit Siang (DAP-Kota Melaka), beliau menegaskan, kementeriannya menerusi jawatankuasa tetap penilaian dan pengiktirafan kelayakan akan-kelayakan, sedang menunggu maklumat lengkap mengenai kenaikan taraf para lulusan Maktab Haiwan Madras, India.

Menurut beliau, setelah jawatankuasa tersebut menerima maklumat lengkap, kerajaan akan menimbangkan soal pengiktirafan ijazah maktab tersebut.